

Jenis Akhbar : Bernama Online

Tarikh : 17/07/2020

Edisi / Muka surat : www.bernama.com

Tajuk : ANGKASA, Amaxmall meterai MoA luaskan produk koperasi ke Singapura

Angkasa, Amaxmall meterai MoA luaskan produk koperasi ke Singapura



17/07/2020 04:20 PM

PETALING JAYA, 17 Julai -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) hari ini memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Amaxmall Sdn Bhd untuk meluaskan akses pemasaran produk koperasi di Singapura.

MoA itu untuk mengukuhkan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam projek khas pemasaran produk koperasi di bawah program "100 Produk Champion" yang diterajui Angkasa ke Pasaraya Hao Mart di Singapura melalui syarikat Amaxmall.

Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata perjanjian itu merupakan destinasi kedua selepas Brunei dalam program "100 Produk Champion" yang menyasarkan pasaran luar negara.

Beliau berkata Angkasa akan memperkasakan aktiviti pemasaran produk ke luar negara khususnya negara-negara ASEAN.

"Kami akan cuba menambah jumlah koperasi dan SKU (unit simpanan stok) (produk koperasi) bagi menembusi pasaran luar negara. Program ini antara cara dan strategi untuk menampung semula kekurangan pendapatan ketika pandemik COVID-19 dengan mencari pulangan cepat melalui perdagangan.

"Terima kasih kepada koperasi yang bersetuju untuk menyertai program ini," katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani MoA tersebut di sini.

Pada majlis itu, Abdul Fattah mewakili Angkasa manakala Amaxmall Sdn Bhd diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya Datin Dr Nik Sarina Lugman Hashim.

Sebagai permulaan, sebanyak 29 SKU produk dari 11 koperasi akan mula dipasarkan di 56 cawangan Pasaraya Hao Mart di Singapura pada Oktober tahun ini.

Program “100 Produk Champion” yang dilancarkan pada 2014 berperanan mengenal pasti produk koperasi untuk diketengahkan menerusi kawalan kualiti, penyediaan dan penghantaran stok, pemasaran serta penambahbaikan produk dari semasa ke semasa dalam memasarkan produk koperasi di pasaran domestik dan global.

-- BERNAMA